



'Ibu macam musuh ketat'

Remaja benci sikap orang tua, tak tahan bebelan

"SAYA amat membenci ibu." Itulah perasaan yang boleh saya gambarkan terhadap ibu sekarang. Saya berusia 16 tahun dan sebagai remaja perempuan, saya banyak menghadapi tekanan terutama daripada ibu.

Saya anak ketiga dalam keluarga dengan keputusan Penilaian Menengah Rendah (PMR) memuaskannya kerana saya pelajar bertahap sederhana.

Masalah berat saya ialah dengan ibu kerana saya kini benci padanya. Sedangkan dulu perhubungan kami sangat erat.

Semasa saya bersekolah rendah dulu, ibu sangat baik namun kini keadaan sebaliknya berlaku. Apa yang berlaku sekarang saya pun tidak tahu.

Sekarang ini, saya sangat sedih kerana ibu seolah-olah musuh ketat dan dia jarang menyokong apa yang saya ingin lakukan. Malah apa yang saya lakukan ibu sering tidak bersetuju.

Saya ingin bermalam di rumah rakan baik, ibu tidak benarkan dan dia pasti bising. Saya sudah besar dan tahu membezakan baik buruk. Saya hanya ingin tidur bukannya melakukan perkara tidak elok.

Malah cara berpakaian saya juga menjadi bebelannya. Katanya, saya berpakaian kurang likurang, sopan dan menyakitkan mata. Saya remaja, sudah tentu ingin bersosial.

Saya benar-benar tidak faham dengan sikap ibu. Apa yang ibu tahu lakukan ialah menyuruh saya belajar dan belajar. Saya sangat jemu dengan sikap ibu dan merasakan dia terlalu mendesak.

Apa perlu saya lakukan?

ANAK MENGHARAP
Kuala Lumpur.

JAWAPAN:

PAKAR perkembangan psikologi remaja menjelaskan peringkat remaja adalah waktu 'storm and stress' di mana konflik antara remaja dengan ibu bapa sering berlaku. Berada dalam perkembangan ini menerangkan mengapa berlaku konflik antara adik dengan ibu. Konflik dua pihak berlaku apabila dua generasi berbeza memandang kehidupan dari sudut berlainan. Perkara-perkara yang dirasakan penting bagi remaja tidak lagi dianggap penting oleh ibu bapa, dan sebaliknya.

Tidur di rumah kawan baik adalah keinginan memenuhi tuntutan bersosial dan penting bagi diri adik. Sebaliknya, tuntutan ibu melihat belajar adalah keutamaan. Jelas sekali wujud keperluan berbeza hingga timbulnya konflik antara adik dengan ibu adik.

Secara psikologi dan emosi, apabila berlakunya konflik ini, wujudlah ketegangan. Ibu menyalurkan ketegangan emosi ini dengan mengawal ketat adik walaupun tanpa niat nahu mengongkong adik.

Sikap ibu yang asyik menyuruh adik belajar adalah sikap tipikal ibu bapa lain. Lumrahnya, ibu bapa memang mengharapkan kejayaan pelajaran anak-anak mereka. Dalam usaha ini, mereka sering mengenakan peraturan tertentu kepada anak khususnya anak remaja yang mudah terpengaruh dengan keadaan persekitaran yang mencajib.

Remaja pada peringkat adik mula inginkan kebebasan daripada kawalan ibu bapa mereka. Remaja cenderung untuk berpisah daripada struktur keluarga apabila mereka meningkat usia. Kini adik sudah mulai menjadi individu yang bersi-



TEKUN...desakan keterlaluannya ibu bapa supaya anak menjadi 'ulat buku' menyebabkan anak bosan dan stres.

fat kritikal dan mula melihat ibu tidak semesra dulu. Bermula sebagai seorang ibu yang penyayang, adik kini melahirkan perasaan 'saya amat bencikan ibu.'

Konflik antara adik dan ibu adik boleh dikurangkan. Jalan terbaik ialah penyelesaian masalah perlu dilakukan bersama dan dapat memenuhi kehendak kedua-dua pihak. Antaranya ialah adik perlu memahami apa yang dialami oleh ibu. Begitu pula sebaliknya.

Kalau boleh, adik kena lebih kerap meluangkan masa bersama dengan ibu. Masa bersama ini boleh adik gunakan untuk meluahkan perasaan dan ketidakpuasan

hati. Masa ini juga adalah masa terbaik bagi ibu untuk meluahkan segala harapannya terhadap adik. Perbincangan boleh dilakukan dengan lebih terbuka dan dalam suasana penuh kemesraan dan harmonis.

Adik dan ibu adik juga perlu saling menghormati. Layanan yang mesra antara ibu dengan adik serta ahli keluarga yang lain akan menyebabkan setiap ahli keluarga merasakan diri mereka bersatu dan memerlukan antara satu sama lain. Semoga ini dapat menukarkan perasaan 'saya amat benci ibu' kepada 'saya tahu ibu ambil berat dan sayang kepada ibu saya.'

Gadis ternoda ingin berubah

SEMASA awal remaja, saya sering berkawan dengan beberapa lelaki yang lebih tua dan dalam usaha yang begitu muda dan mentah, saya mudah terpengaruh dengan pujuk rayu mereka.

Memandangkan keadaan rumah tidak selesa, saya tidak betah duduk di rumah. Ketika itu, saya rasakan rumah ibarat neraka. Nakalnya saya, beberapa kali pernah melarikan diri dari rumah. Kali pertama pulang ke rumah beberapa hari kemudian. Itu pun selepas keluarga saya puas menyuruh pulang. Saya inginkan kehidupan yang bebas. Saya tinggal di rumah sewa seorang teman lelaki ketika itu.

Kali kedua saya lari dari rumah ialah beberapa bulan selepas kejadian pertama. Kali ini, saya tidak pulang ke rumah lebih dari sebulan. Saya bebas lepas seperti kupu-kupu.

Sikap saya yang suka ponteng sekolah menyebabkan saya berhenti sekolah kerana sudah tidak dapat menumpukan perhatian dalam pelajaran lagi. Tentu sekali ini menyebabkan keluarga merasa tercabar dan sangat marah. Akibatnya, saya dikurung dan tidak dibenarkan keluar rumah apabila saya pulang beberapa minggu kemudian.

Kata orang, kalau berbuat jahat, jahatlah akibatnya. Perbuatan zina saya menyebabkan sesuatu yang sangat buruk berlaku kepada saya selepas itu. Saya dapati diri saya mengandung. Dugaan ini tidak saya beritahu kepada keluarga kerana malu kepada mereka. Bersama-sama dengan teman lelaki, tanpa diketahui ibu bapa, saya menggugurkan kandungan.

Hidup kini terasa kosong dan tidak bermakna. Kini, saya sangat menyesal atas apa yang sudah saya lakukan selama ini. Saya berasa amat berdosa dan terlalu ingin menjadi gadis yang baik.

GADIS BEBAS LEPAS
Pulau Pinang.

JAWAPAN:

SEBORANG ahli falsafah Cina Sada mengatakan 'sejajapa yang tidak berfikir panjang,

kesusahan sudah bersedia di mukanya.' Zaman awal remaja adik dipenuhi dengan emosi keseronokan hingga memberi kesan pahit kepada kehidupan.

Bagaimanapun, adik kini menyesal atas apa yang adik lakukan dan ingin sekali menjadi gadis yang baik. Yang berlalu biarlah berlalu, yang mendatang hadapi dengan cemerlang. Sekali anda terjatuh, jangan jatuh untuk berkali-kali.

Tiada siapa dapat menafikan zaman remaja adalah zaman penuh dugaan. Tuntutan untuk kebebasan, keseronokan dan emansipasi tinggi bagi remaja. Pada peringkat umur adik, mudah terpengaruh dengan tingkah laku yang menyenangkan dan menyeronokkan.

Khalifah Umar ibn Khattab pernah berkata, "Muhasabahlah serta hitunglah dirimu sebelum kamu dihitung oleh Allah. Mereka yang berani melakukan muhasabah dan kemudian membuat perubahan positif ke atas diri sendiri, merekalah orang yang akan berjaya."

Adik sudah sedar kesilapan yang adik lakukan. Kesedaran ini satu permulaan baik untuk perubahan positif. Perubahan positif dan keinsafan dipenuhi dengan tidak melakukan perkara-perkara yang membawa adik ke kancan merosakkan.

Proses perubahan selalunya mengambil masa. Lakukannya dengan azam yang kuat. Motivasikan diri adik dengan kerap kali membaca buku agama dan motivasi. Cari jaringan kawan yang boleh membimbing adik ke arah tingkah laku yang positif. Dengan usaha dan keazaman tinggi, adik mampu berubah untuk menjadi gadis yang baik seperti diinginkan.

Keluarga adalah tempat terbaik adik untuk meminta bantuan dan bimbingan. Dampingi keluarga adik dan bersama-sama bekerja untuk menjadi satu unit yang sepadu dan kuat untuk menjayakan sebuah keluarga bahagia. Adik juga boleh menjadi insan yang lebih mempunyai matlamat jika sentiasa mendampingi keluarga.